

10 SEP 2003

Malaysia-Jepun/I

CADANGAN WUJUDKAN UNIVERSITI MALAYSIA-JEPUN DITANGGUHKAN

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Cadangan bagi mewujudkan sebuah universiti teknikal di bawah kerjasama kerajaan Malaysia dan Jepun ditangguhkan sehingga tahun depan.

Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad berkata kedua-dua pihak sedang memperhalusi butiran berkaitan universiti itu yang akan ditempatkan di Malaysia.

"Memandangkan kita masih lagi berbincang, projek itu mungkin ditangguhkan sehingga Jun tahun depan berbanding cadangan awal untuk memulakan pengambilan pelajar Oktober ini. Saya rasa penangguhan itu perlu memandangkan kami mahu memastikan pendidikan yang ditawarkan itu berkualiti," katanya pada persidangan media selepas mesyuarat mingguan kementeriannya di sini hari ini.

"Kami kini dalam peringkat akhir perbincangan dan terdapat perjanjian di antara kedua-dua negara tetapi kami hanya berbincang mengenai butiran terutamanya berkaitan bagaimana Jepun boleh menyumbangkan kepakarannya," kata Musa.

Cadangan menubuhkan sebuah universiti teknikal dikemukakan semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jepun pada Disember lepas sempena sambutan ulangtahun ke-20 pelancaran Dasar Pandang ke Timur oleh Malaysia.

"Kita memerlukan lebih banyak tenaga kerja teknikal tetapi yang penting ialah untuk membangunkan pendidikan teknikal yang berbeza daripada apa yang ditawarkan oleh institusi-institusi tempatan.

"Kami mahu menyemai budaya kerja yang berlainan sungguhpun sains dan pendidikan teknikal adalah serupa. Di samping mengajar, kami juga ingin memanam etika kerja yang biasanya baik di kalangan rakyat Jepun," kata Musa.

Pengambilan kumpulan pertama 250 pelajar dijangka dilaksanakan Jun tahun depan dan pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) layak untuk memasuki universiti berkenaan.

"Tetapi kami mahu pelajar-pelajar itu mengikuti matrikulasi (peperiksaan) bagi membiasakan diri dengan bahasa Jepun. Semua kursus akan dikendalikan dalam bahasa Jepun dan Inggeris," katanya.

Diklasifikasikan sebagai universiti awam, ia akan menawarkan pelbagai kursus dalam bidang kejuruteraan serta teknologi maklumat sebaik ditubuhkan, dan para pelajar dari rantau ini juga dibenarkan mendaftar.

Lokasi kampus itu masih belum dikenalpasti dan kos bagi menubuhkan universiti berkenaan masih terlalu awal untuk diumumkan, katanya.

Musa berkata universiti itu akan berorientasikan Jepun memandangkan arkitek utama universiti berkenaan ialah profesor dari Jepun.

"Bagi memastikan pengajarannya dapat memberikan pemahaman terhadap cara hidup dan budaya masyarakat Jepun, berkemungkinan cara ianya beroperasi lebih mirip kepada cara Jepun berbanding Malaysia," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

VP RV RM ROS